

DBKL komited jadikan KL 'bandar untuk semua'

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) komited menjadikan Kuala Lumpur sebagai 'bandar untuk semua' dengan menghasilkan Laporan Kajian Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) bagi Pelan Induk Bandar Pintar Kuala Lumpur 2021-2025 dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050.

Pelan Induk Bandar Pintar Kuala Lumpur 2021-2025 adalah dokumen mengandungi inisiatif DBKL bagi menaik taraf perkhidmatan teknologi, manakala Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 adalah kesinambungan kepada usaha berterusan DBKL memengaruhi perubahan iklim dihadapi Kuala Lumpur.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata laporan itu akan menjadi asas kepada usaha dan program yang akan dilaksanakan DBKL bagi mencapai matlamat kelestarian serta kemampanan Kuala Lumpur pada masa depan.

Beliau berkata, kemajuan teknologi dan kemampanan alam sekitar sangat penting dalam kehidupan kini dan masa hadapan.

"Secara amnya, Kuala Lumpur sering berdepan cabaran kota, baik dari segi perancangan, pembangunan, alam sekitar, teknologi, iklim, penguatkuasaan dan lain-lain.

"Cabaran ini adalah tang-



Nor Hisham menunjukkan Laporan Kajian Perancangan WPKL bagi Pelan Induk Bandar Pintar Kuala Lumpur 2021-2025 dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 di Kuala Lumpur, semalam.

gungjawab bersama dan perlu ditangani bersama-sama, ia memerlukan usaha bersepadu daripada pelbagai agensi serta masyarakat," katanya pada sidang media selepas merasmikan laporan berkenaan, di sini, semalam.

Nor Hisham berkata, laporan itu dibuat supaya setiap cabaran di Kuala Lumpur dapat diatasi, sekali gus menjadi bandar popular untuk dikunjungi pelabur dan pelancong antarabangsa.

"Kemungkinan besar lebih 80 peratus orang ramai akan memilih tinggal di kota dalam tempoh 20 ke 40 tahun akan datang.

"Jadi, kami berharap supaya laporan ini menjadi antara platform terbaik kepada Kuala Lumpur dalam menguruskan cabaran bandar," katanya.

Beliau berkata, laporan itu akan dikongsi kepada semua pihak berkepentingan dan warga kota pada awal tahun depan.

BERNAMA